

B510

MAHATHIR-INGGERIS

1976
IPOH, 3 OGOS (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DALAM SISTEM PELAJARAN NEGARA +SUDAH TENTU TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN TEGUH ATAU TIDAK SEMANGAT KEBANGSAAN.+

PENGUASAAN BAHASA ITU ADALAH SAMA DENGAN PENGUASAAN ILMU-ILMU LAIN, TEGAS TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB) DAN MESYUARAT AGUNG KOPERATIF KGMMB BERH

D DI SINI.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MEMBERITAHU BAHASA INGGERIS AKAN TERUS MENJADI BAHASA DAN PENGAJARANNYA AKAN DIPERKUATKAN LAGI DALAM MASA LIMA TAHUN AKAN DATANG UNTUK MEMBANTU MEMPERCEPATKAN LAGI PROSES PELAJARAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU MENEGASKAN, DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN AKAN TERUS DILAKSANAKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DENGAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA DIPERKUATKAN LAGI SUPAYA TERCAPAI INTEGRASI DAN PERPADUAN NEGARA SESUAI DENGAN MATLAMAT-MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.--BERSAMBUNG 1122/BY

28

B511

MAHATHIR-INGGERIS 2 IPOH

UNTUK MENCAPAI MATLAMAT INTEGRASI DAN PERPADUAN RAKYAT, KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENERUSKAN USAHA UNTUK MENGEMBANGKAN PELUANG PELAJARAN ANTARA YANG BERADA DENGAN YANG TIDAK BERADA, JUGA ANTARA KAUM DAN WILAYAH BAGI MENENTUKAN PEMBAGIHAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELAJARAN SECARA LEBIH ADIL.

DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA PENUKARAN BAHASA PENGANTAR BAHASA INGGERIS KE BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH-SEKOLAH SEHINGGA PERINGKAT SIJIL TINGGI PELAJARAN AKAN DICAPAI PADA TAHUN 1982, DAN TAHUN KEMUDIANNYA SEMUA KURSUS PENGAJIAN BAGI TAHUN PERTAMA DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN AKAN DIJALANKAN DALAM BAHASA MALAYSIA.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU, KESEMUA 1,071 ORANG SISWAZAH YANG LULUS 135 DARI UNIVERSITI KEBANGSAAN SEHINGGA TAHUN INI, YANG MENGIKUTI KURSUS PENGAJIAN DENGAN PENGANTAR BAHASA MALAYSIA SEPENUHNYA, TELAH MENDAPAT KERJA DENGAN KERAJAAN ATAU PUN DENGAN PIHAK SWASTA. #
DISAMPING ITU, KATANYA, KEMENTERIAN PELAJARAN JUGA AKAN TERUS MENITEKBERATKAN DIBAWAH RM KETIGA, SOALAN-SOALAN PEMBINAAN PERIBADI YANG MULIA DAN SESUAI DENGAN KEHENDAK-KEHENDAK RUKUNEGARA.
BERSAMBUNG 1170/BY

B519

MAHATHIR-INGGERIS 3 IPOH

UNTUK MENCAPAI TUJUAN INI KARIKULUM-KARIKULUM DAN AKTIVITI DALAM DAN LUAR SEKOLAH AKAN DISELARAS DAN DIPERKUATKAN LAGI.

KEGIATAN-KEGIATAN INI AKAN TERUS DIPANJANGKAN KE INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI SUPAYA PELAJAR-PELAJAR LULUSAN PADA SEMUA PERINGKAT AKAN MEMPUYAI HEMAH YANG TINGGI, BERDISIPLIN, BERGIZAT DAN BERTANGGUNGJAWAB.

MENYENTUN KESATUAN SEKERJA, DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN KESATUAN DITUBUH UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN AHLINYA, KESATUAN HARUS TEGAS ITU, TEGAS BELIAU DISAMPING MENJAGA KEPENTINGAN AHLI, KESATUAN JUGA PERLU MENJAGA KEPENTINGAN MASYARAKAT.

BELIAU MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA KGMMB KERANA SIKAP BERTANGGUNGJAWABNYA TERHADAP MASYARAKAT.

DI UPACARA TERSEBUT, DR. MAHATHIR JUGA MENYAMPAIKAN IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITAS NASIONAL INDONESIA (UNAS) KEPADA 25 ORANG GURU YANG TELAH TAMAT MENJALANI KURSUS TERTULIS.

MENGENAI PENGIKTIRAFAN IJAZAH TERSEBUT BELIAU MENJELASKAN KERAJAAN PERLU MENKAJINYA DENGAN TELITI SUPAYA TIDAK ADA KUMPULAN-KUMPULAN LAIN YANG AKAN MERAGUKAN KEPUTUSAN KERAJAAN APABILA DIBUAT NANTI. --BERNAMA 1155/BY

Sambungan 539

22

B539

MAHATHIR-INGGERIS 4 IPOH (SAMBUNGAN B519)

DR. MAHATHIR JUGA TELAH MENYAMPAIKAN PINGAT JASABAKTI KGMMB KEPADA ORANG-ORANG YANG BANYAK BERBAKTI KEPADA KGMMB DAN KEPADA BANGSA SERTA NEGARA.

SARIFUDDIN, 12 TAHUN, MENERIMA PINGAT ATAS NAMA BAPANYA, ALLAHYARHAM HAJI KASIM BIN HARUN, YANG DIPERTUA KGMMB PADA AKHIR HAYATNYA BULAN SEPTEMBER TAHUN LALU.

PENERIMA-PENERIMA LAIN JALAH HAJI IBRAHIM BIN ABDUL RAZAK, 59 TAHUN, AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG BAGI KAWASAN BAGAN AJAM; ENCIK TALIB BIN MOHD SUDI, 55 TAHUN, BENDAHARI KGMMB SELAMA LAPAN TAHUN.

HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI OTHMAN, 53 TAHUN, SEORANG GURU BESAR SELAMA 22 TAHUN DI ALOR STAR; DAN ENCIK ABDUL RAHMAN BIN MOHD AKIB, 55 TAHUN, SEORANG BEKAS YANG DIPERTUA KGMMB DAN BERGIAT DALAM AKTIVITI-AKTIVITI KESATUAN GURU-GURU SELAMA 28 TAHUN.

- BERNAMA 1439/BY